

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP NASYID SEBAGAI MEDIUM DAKWAH DI SEKOLAH

*Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad

ABSTRACT

Nasyid is one form of amusement which is enjoyed by various sections of society. However, nasyid today is seen as mere entertainment and does not give much emphasis to its main purpose of preaching. Therefore, this study was conducted to identify students' perceptions of nasyid as a medium of preaching in school. This study also aimed to analyze differences in students' perceptions of nasyid as a medium of preaching in schools based on gender. This study used questionnaires distributed of 333 four-year-old students from five schools with a background in Islamic nasyid and arts. The data of this study were analyzed using descriptive statistics and inferences involving the Free Sample t-test. The study found that students' perception of nasyid as a medium of preaching in school as a whole was high with a mean score of 4.33. The study also found that there is a significant difference in students' perception of nasyid as a medium of preaching in schools based on gender. Therefore, nasyid should be utilized not only as an alternative entertainment but also as one of the mediums of preaching in schools to strengthen religious appreciation among students. The results of this study can provide implications and contribution to the study of the development and implementation of preaching activities in schools using art mediums especially nasyid arts.

Keywords: *Nasyid, medium of preaching, preaching activity, school, student*

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang
sahlan2903@gmail.com
nizamsahad@usm.my

PENDAHULUAN

Di antara komponen utama dalam memastikan dakwah dapat dilaksanakan dengan baik adalah cara untuk menyampaikan pengajaran atau kandungan dakwah tersebut. Justeru, keperluan kepada pendekatan yang bersesuaian dengan sasaran juga perlu menjadi fokus utama di samping isi pengajaran dalam memastikan dakwah yang disampaikan berkesan. Bertitik tolak daripada itu, dakwah kontemporari menyaksikan nasyid sebagai salah satu medium dakwah untuk menyebarkan agama dan memperkuatkan budaya yang positif serta kebaikan dalam kalangan masyarakat. Hal ini secara tidak langsung menjadikan nasyid sebagai salah satu inovasi dalam pelaksanaan dakwah Islam. Walaupun dakwah dan nasyid merupakan dua elemen yang berbeza dan segi pengertian, namun wujud persamaan dari aspek tujuan iaitu menyampaikan ajaran Islam (Eri Satria Sanusi & Roslan Mohamed, 2017).

Penerimaan masyarakat terhadap perkembangan nasyid menyaksikan kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid yang dapat memeriahkan lagi persada seni hiburan tempatan. Hal ini menjadikan lagu-lagu nasyid semakin mendapat tempat di hati masyarakat dari pelbagai peringkat usia. Nasyid dilihat sebagai hiburan alternatif dalam kalangan masyarakat yang inginkan hiburan berkonseptan ketuhanan. Lantaran itu, nasyid turut menjadi salah satu aktiviti kesenian di sekolah sama ada dalam bentuk pertandingan atau pun dipersembahkan dalam majlis-majlis tertentu. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk minat sambil mengasah bakat seni hiburan nasyid dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Namun begitu, timbul persoalan sejauh manakah lagu-lagu nasyid yang dinikmati dapat difahami dan dihayati sebagai medium dakwah dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT serta mengukuhkan penghayatan agama dalam kalangan pelajar di sekolah.

Justeru, bagi memahami peranan nasyid dalam konteks dakwah, kajian ini cuba untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah. Kajian ini juga akan menganalisis perbezaan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah berdasarkan jantina.

PERNYATAAN MASALAH

Realiti suasana dan gaya hidup remaja hari ini lebih cenderung kepada hiburan nyanyian dan muzik. Sehubungan itu, nasyid dilihat sebagai salah satu hiburan alternatif yang boleh memberi manfaat. Nasyid merupakan salah satu seni suara dan hiburan berbentuk nyanyian yang boleh menjadi *platform* dalam mendidik masyarakat terutamanya golongan remaja dengan nilai-nilai murni. Memetik pandangan Fariza Md. Sham (2011), proses memberi bimbingan dan pendidikan melalui program dakwah yang dirancang khas untuk golongan remaja perlu mengambil kira soal minat dan kesesuaianya dengan peringkat umur remaja. Lantaran itu, aktiviti dakwah melalui hiburan nasyid di sekolah mampu menjadi daya penarik kepada pelajar untuk turut serta dalam kegiatan tersebut.

Kajian mendapati bahawa pelajar akan lebih berminat kepada aktiviti dakwah yang berbentuk hiburan berbanding aktiviti ceramah dan syarahan semata-mata. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Safiah Nik Abdullah et al. (2015), pelajar lebih suka kepada aktiviti hiburan yang dilaksanakan di sekolah berbanding kegiatan kerohanian. Bertitik tolak daripada itu, salah satu bentuk aktiviti dakwah berbentuk hiburan yang dilaksanakan di sekolah adalah melalui kesenian nasyid. Namun begitu, sejauh manakah kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah dan bukan sekadar hiburan semata-mata? Justeru, kajian ini akan membincangkan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah.
2. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah berdasarkan jantina.

Nasyid Sebagai Medium Dakwah

Nyanyian dan muzik yang boleh membangkitkan semangat ke arah kesedaran dan keindahan Islam merupakan hiburan yang menepati matlamat yang digariskan dalam Islam (Idris Zakaria, 2006). Salah satu bentuk hiburan yang melibatkan nyanyian dan muzik adalah nasyid. Nasyid merupakan salah satu bentuk kesenian yang turut mendapat sambutan daripada pelbagai peringkat umur sama ada golongan dewasa mahupun remaja. Ia merupakan satu bentuk hiburan yang dapat memenuhi fitrah manusia yang boleh memberi ketenangan dan kedamaian dalam jiwa. Memetik pandangan al-Qardhawi (2002), suara yang indah boleh didengari melalui acara-acara keagamaan yang dihiburkan dengan nasyid-nasyid yang menarik, dengan suara yang indah sehingga dapat menyentuh hati dan menggetarkan perasaan.

Pemanfaatan nasyid di dalam menyampaikan dakwah dilihat mampu menjadi sebagai daya penarik kepada golongan tertentu seperti remaja untuk turut serta di dalam sesuatu aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Hal ini kerana agak sukar untuk menarik minat golongan sasaran seandainya pendekatan dakwah yang digunakan hanya statik dalam bentuk ceramah semata-mata. Bertitik tolak daripada itu, penerimaan dan sambutan yang positif terhadap seni hiburan nasyid berupaya membentuk sikap serta etika generasi pada masa kini. Kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid dan juga penyanyi solo yang menyanyikan lagu-lagu ketuhanan mengisi ruang seni hiburan sekali gus memberi impak terhadap industri muzik di negara ini. Hal ini secara tidak langsung menjadikan kumpulan nasyid ini sebagai agen penghibur yang bermoral (Mujani Tarimin & Fairuz el-Basri, 2004).

Menurut Jaffary Awang (2006), nasyid merupakan satu cabang kesenian yang berkesan dan mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menyebar luaskan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat. Setiap aspek yang ditampilkan di dalam nasyid sudah pasti membawa implikasi terhadap pola sosial di negara ini khususnya bagi generasi muda. Lirik nasyid yang sarat dengan mesej dilihat berupaya membentuk nilai yang positif terhadap sistem nilai yang sedia ada dalam masyarakat pada hari ini. Adalah perlu difahami bahawa nasyid bukan sekadar lagu akan tetapi ia merupakan gabungan elemen seni kata lagu, muzik dan gaya penampilan penyanyi nasyid tersebut. Sehubungan dengan itu, nasyid mempunyai kepentingan dan pengaruhnya yang tersendiri seandainya kesemua elemen di dalam nasyid mampu memenuhi kehendak pendengar yang terdiri daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat (Farid Mat Zain, 2006)

Melihat dari konteks hiburan, Farid Mat Zain (2006) menjelaskan bahawa nasyid merupakan hiburan alternatif kepada muzik atau nyanyian yang menjurus kepada kelalaian serta mampu memesongkan cara hidup dari landasan agama yang sebenar. Hal ini dapat dilihat melalui penghasilan lagu-lagu nasyid yang cuba memasukkan budaya ketimuran dan keislaman bagi membezakannya dengan budaya hiburan semasa yang menjurus kepada kebaratan. Justeru, tujuan utama penciptaan dan penghasilan lagu-lagu nasyid adalah untuk menyampaikan mesej dakwah serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pendengar seperti mengingati Allah SWT dan Rasulullah SAW, meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap ajaran agama, menghormati kedua-dua ibu bapa dan golongan yang lebih tua, kegigihan menuntut ilmu, mensyukuri nikmat Allah SWT dan lain-lain lagi (Muhammed Yusof, 2012). Oleh yang demikian, nasyid berperanan sebagai penyedar kepada masyarakat terhadap pegangan agama. Muzik serta seni kata lagu yang diungkapkan mampu menyentuh jiwa dan perasaan serta berupaya membangkitkan semangat dan motivasi diri.

Memetik pandangan Nur Sakinah Sabari (2018), asas utama yang menjadi tunjang dalam pemanfaatan nasyid dalam dakwah adalah untuk menyampaikan mesej dari aspek akidah, syariah dan akhlak. Hal ini dapat dilihat melalui penghasilan lirik-lirik nasyid yang mengandungi nilai-nilai dakwah yang berkaitan dengan aspek akidah, ibadah dan akhlak. Konsisten dengan kenyataan ini, Isyah Radhiah Idris (2017) dalam kajiannya terhadap kumpulan Raihan mendapati ketiga-tiga aspek ini terkandung dalam lagu-lagu nasyid yang dinyanyikan. Di antara aspek akidah yang diterapkan dalam nasyid ialah enam rukun iman iaitu beriman kepada Allah SWT, Malaikat, Rasul, Kitab, Hari Akhirat serta Qada' dan Qadar. Manakala aspek ibadat pula berkaitan dengan rukun Islam yang lima iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan juga menunaikan haji di Mekah. Seterusnya di dalam aspek akhlak pula menyentuh sifat-sifat mulia seperti sifat wajib bagi Rasul, senyum, bersyukur, menjaga masa, adab terhadap al-Quran, bersatu dan sebagainya.

Justeru, lagu-lagu nasyid adalah salah satu medium terbaik dalam mendidik umat Islam terutama generasi muda pada hari ini. Zulkiple Abd. Ghani (2009), menyatakan bahawa melalui hiburan nasyid dapat menyentuh jiwa dan perasaan, membangkitkan emosi dan merangsang ketakutan serta pengharapan kepada Allah SWT. Hal ini menggambarkan bahawa nasyid mempunyai hubungan yang signifikan dalam memberi ketenangan dan mendidik akhlak pendengar. Melalui mesej-mesej yang berkualiti dan relevan dengan suasana masyarakat pada hari ini, nasyid turut menjadi *platform* dalam menyatupadukan ummah di samping mendidik dan menghibur pendengar. Menurut Salman al-Farisi Syahrul (2004), nasyid merupakan salah satu media dakwah yang mempunyai potensi dalam mencabar lagu serta muzik beraliran Barat yang menjadi kegilaan remaja pada masa kini. Sehubungan dengan itu, nasyid adalah suatu bentuk hiburan yang memberi manfaat serta dapat mencegah daripada berlaku gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan pencinta muzik dan hiburan.

Nasyid Dalam Aktiviti Dakwah Di Sekolah

Pelaksanaan aktiviti dakwah dengan menggunakan pendekatan seni hiburan di sekolah dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan. Hal ini kerana jiwa remaja cenderung kepada keseronokan, kegembiraan dan juga hiburan. Menurut Nik Safiah Nik Abdullah et al. (2015), aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian yang dianjurkan di sekolah-sekolah kurang mendapat sambutan hangat oleh para pelajar berbanding aktiviti-aktiviti yang bercorak hiburan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Farid Hafidz Ahmad dan Mohamad Khairi Othman (2016), permasalahan yang sering dikaitkan dengan dakwah di sekolah ialah kelemahan dan kelewatian pihak pengurusan di dalam memastikan pelaksanaannya berjaya dan memberi impak kepada pelajar. Justeru, melalui pelaksanaan aktiviti dakwah yang menekankan elemen kerohanian dengan pendekatan kesenian dan hiburan yang dilaksanakan dengan baik dilihat mampu memberi impak terhadap diri pelajar agar terus menghayati dan memperkuuhkan penghayatan agama.

Adalah tidak dinafikan bahawa jiwa remaja cenderung kepada hiburan berbentuk muzik dan nyanyian kerana mampu memberi keseronokan dalam diri mereka. Namun begitu, remaja perlu dibimbang agar tidak dirosakkan dengan hiburan yang keterlaluan dan melalaikan. Justeru, nasyid dilihat sebagai salah satu hiburan alternatif yang mampu mendidik dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap agama (Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum, Mohd. Abbas Abdul Razak, & Abdul Latif Abd. Razak, 2018). Perkembangan seni nasyid pada masa kini telah membawa kepada kepelbagaiannya dalam seni hiburan. Nasyid mempunyai daya saing serta mampu mengatasi minat terhadap genre muzik yang lain dengan membawa konsep iaitu mengajak manusia untuk berhibur di samping tidak lalai dari mengingati Allah SWT (Farid Mat Zain, 2006).

Di dalam konteks pelaksanaan di sekolah, aktiviti dakwah dengan menggunakan elemen nasyid tertumpu pada aktiviti berbentuk persempahan dalam majlis-majlis tertentu, pertandingan, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya. Sebagai contoh, nasyid dijadikan sebagai persempahan dalam sambutan bulan-bulan kebesaran Islam, majlis hari anugerah dan banyak lagi. Salah satu daripada aktiviti dakwah berbentuk kesenian nasyid yang telah dirancang dan dilaksanakan ialah Festival Nasyid Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2004. Berikutnya kesedaran terhadap nasyid yang mampu menarik minat pendengar untuk memahami dan menghayati ajaran Islam, FNSS telah dilaksanakan sebagai salah satu bentuk kegiatan dakwah di sekolah. Hal ini kerana nasyid dilihat sebagai salah satu medium dakwah yang mampu membawa mesej-mesej tertentu untuk dihayati oleh pendengar dan penonton melalui konsep hiburan. Hasrat ini bertepatan dengan usaha kerajaan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai tingkah laku positif dan mengembangkan potensi dalam pelbagai aspek ke arah melahirkan masyarakat yang holistik (BPI, KPM, 2019).

Di samping mengasah bakat dan memupuk minat pelajar kepada seni lagu yang mengandungi unsur dakwah yang mengajak pendengar kepada melakukan kebaikan, Bahagian Pendidikan Islam, KPM turut menyasarkan objektif pelaksanaan aktiviti nasyid seperti berikut:

- i. Menjadikan nasyid sebagai medium dakwah ke arah memupuk minda murid agar mengamalkan cara hidup Islam.
- ii. Sebagai alternatif kepada murid untuk menghayati seni muzik yang bersesuaian dengan berlandaskan syarak.

- iii. Memperkembang dan mempopularkan nasyid sebagai budaya berunsur keagamaan dalam pembangunan modal insan.
- iv. Menarik minat supaya melibatkan diri secara aktif dalam bidang dakwah melalui lagu dan lirik yang mengandungi unsur budaya dan nilai murni yang tinggi.
- v. Membina daya kreativiti dan inovasi dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat umum.
- vi. Menjadi satu media pengajaran dan pembelajaran yang menarik untuk meningkatkan keberkesanannya Pendidikan Islam.

Di samping sebagai hiburan dakwah, nasyid juga turut dijadikan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Menurut Abdul Halim Mohamad et. al (2017), pelaksanaan kaedah nasyid dapat membantu pelajar menghafaz fakta dan isi penting, mengukuhkan daya ingatan, menarik minat, membina keseronokan, meningkatkan motivasi dan penumpuan serta meningkatkan keyakinan dalam diri pelajar. Konsisten dengan kenyataan ini, Isyah Radhiah Idris (2017) turut menyatakan bahawa pengaplikasian nasyid di dalam bilik darjah akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih menarik serta dapat membantu pelajar untuk memahami isi pelajaran dengan lebih mudah. Hal ini secara tidak langsung dapat membentuk pelajar yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial sebagaimana yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, nasyid bukan sahaja boleh dijadikan sebagai medium dakwah dalam menyebarkan mesej-mesej agama bahkan turut berupaya untuk membantu mencapai kecemerlangan dalam akademik dengan menjadikannya sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa nasyid mampu berperanan sebagai medium dakwah dan juga media pendidikan di sekolah (Abdul Halim Mohamad et al., 2017; Muhammad Talhah Ajmain et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan pentadbiran soal selidik ke atas sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan dua buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Sekolah-sekolah ini dipilih kerana mempunyai kreditaraan dan etos kokurikulum dalam nasyid dan kesenian Islam. Sampel dalam kajian ini dipilih secara rawak mudah (*simple random sampling*). Di dalam menentukan saiz sampel, pengkaji telah menerima cadangan Krejcie dan Morgan berkenaan saiz populasi dan sampel kajian. Saiz populasi bagi kajian ini adalah seramai 849 orang pelajar dan jumlah sampel yang diperlukan adalah sejumlah 265 orang. Namun begitu, pengkaji membuat keputusan untuk menambah bilangan sampel kajian kepada 333 orang.

Jadual 1

Taburan keseluruhan sampel kajian

Lokasi Kajian	Jum. Pelajar	Saiz Sampel
SMKA Maahad Muar, Johor	179	71
SMKA Lati, Kelantan	145	58
SMKA Sharifah Rodziah, Melaka	113	45
Kolej Islam Sultan Alam Shah, Selangor	305	121
SBPI Kubang Pasu, Kedah	107	43
Jumlah Keseluruhan	849	333

Kesahan kandungan instrumen telah dibuat oleh lima orang pakar dalam bidang berkaitan bagi mendapatkan komen dan persetujuan mereka terhadap soal selidik yang dibina. Kaedah pemungutan data adalah secara skala jawapan jenis Likert lima mata di mana responden perlu memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5). Hasil analisis kebolehpercayaan yang dijalankan melalui kajian rintis menunjukkan bahawa nilai *Cronbach Alpha* bagi instrumen kajian ini berada pada tahap cemerlang, sangat baik dan sangat efektif iaitu pekali $\alpha = 0.937$. Berdasarkan aspek kesahan dan keputusan ujian kebolehpercayaan yang telah dilakukan mendapat bahawa instrumen kajian ini sesuai dan boleh dipercayai untuk mendapatkan keputusan kajian yang sahih.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan program SPSS (*Statistic Package for the Social Science*) Version 25 For Windows. Analisis data dalam kajian ini melibatkan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu Ujian-t Sampel Bebas. Statistik deskriptif iaitu skor min digunakan bagi menerangkan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah. Bagi mengetahui tahap nilai min bagi setiap item yang diuji, pengkaji telah mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam empat tahap seperti yang digunakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) dalam Jadual 2.

Jadual 2

Nilai min mengikut skor dan interpretasi

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally & Bernstein, (1994)

DAPATAN KAJIAN**Demografi Responden**

Analisis pecahan responden (Jadual 1) dari segi jantina menunjukkan bilangan pelajar lelaki berjumlah 193 orang (58%) melebihi jumlah pelajar perempuan iaitu 140 orang (42%). Dari segi jenis sekolah pula, seramai 163 orang (48.9%) merupakan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 170 orang (51.1%) merupakan pelajar dari Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Seterusnya pecahan responden dari segi aliran pula menunjukkan bilangan pelajar aliran Sains yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 204 orang (61.3%) dan diikuti pelajar aliran Tahfiz (*Ulul Albab*) iaitu seramai 74 orang (22.2%). Pelajar aliran Agama pula seramai 35 orang (10.5%), aliran Akaun seramai 18 orang (5.4 %) dan aliran Sastera 2 orang (0.6%). Pecahan Responden dari segi lokasi sekolah menunjukkan sejumlah 203 orang pelajar (61%) dari sekolah bandar manakala selebihnya iaitu 130 orang (39%) dari sekolah luar bandar.

Jadual 3

Taburan kekerapan dan peratusan demografi responden (N=313)

Kategori	Kumpulan	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	193	58
	Perempuan	140	42
Jenis Sekolah	SMKA	163	48.9
	SBP	170	51.1
Aliran	Agama	35	10.5
	Sastera	2	0.6
	Sains	204	61.3
	Akaun	18	5.4
	Tahfiz (<i>Ulul Albab</i>)	74	22.2
Lokasi Sekolah	Bandar	203	61
	Luar Bandar	130	39

Persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah.

Analisis deskriptif telah dijalankan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah yang terdiri daripada empat dimensi dakwah iaitu dakwah melalui seni nasyid, dakwah melalui lirik atau seni kata, dakwah melalui irama lagu dan dakwah melalui penampilan penyanyi. Berdasarkan Jadual 4, skor min persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah secara keseluruhannya adalah tinggi iaitu min 4.30 (sp = 0.76).

Jadual 4

Persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah (N=313)

Dimensi Dakwah Dalam Nasyid	Min	SP	Interpretasi
Dakwah melalui seni nasyid	4.31	0.72	Tinggi
Dakwah melalui lirik/ seni kata nasyid	4.45	0.70	Tinggi
Dakwah melalui irama lagu nasyid	4.29	0.77	Tinggi
Dakwah melalui penampilan penyanyi nasyid	4.15	0.85	Tinggi
Keseluruhan	4.30	0.76	Tinggi

Berdasarkan dapatan kajian (Jadual 4), keempat-empat dimensi berada pada tahap yang tinggi iaitu skor min berada di antara 4.01 hingga 5.00. Dimensi yang mendapat skor min paling tinggi ialah dakwah melalui lirik nasyid ($m=4.45$, $sp=0.70$) dan diikuti oleh dimensi dakwah melalui seni nasyid ($m=4.31$, $sp=0.72$). Seterusnya skor min dakwah melalui irama lagu nasyid ($m=4.29$, $sp=0.77$) dan manakala skor min bagi dimensi dakwah melalui penampilan penyanyi nasyid pula ($m=4.15$, $sp=0.85$).

Jadual 5

Taburan peratusan, min dan sisisian piawai persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah (N=313)

Item	Min	SP	Interpretasi
Dakwah melalui Seni Nasyid			
Nasyid merupakan salah satu pendekatan dakwah melalui kesenian Islam di sekolah	4.49	0.62	Tinggi
Seni nasyid sesuai sebagai alat perantara mesej dakwah untuk menegakkan syiar Islam di sekolah	4.47	0.64	Tinggi
Seni nasyid medium dakwah yang berkesan dalam mengukuhkan akidah pelajar	4.08	0.82	Tinggi
Seni nasyid medium dakwah yang berkesan untuk mendidik dan membentuk akhlak pelajar	4.02	0.86	Tinggi
Seni nasyid sebagai medium dakwah ke arah memupuk minda pelajar mengamalkan cara hidup Islam	4.18	0.75	Tinggi
Seni nasyid merupakan hiburan dakwah yang bermanfaat dan bermaklumat untuk menambah pengetahuan agama pelajar	4.59	0.59	Tinggi
Seni nasyid sebagai salah satu media pengajaran dan pembelajaran yang menarik untuk meningkatkan keberkesanan Pendidikan Islam	4.29	0.74	Tinggi
Seni nasyid merupakan hiburan mendidik jiwa supaya pelajar kembali kepada kebenaran Islam	4.36	0.76	Tinggi
Keseluruhan	4.31	0.72	Tinggi
Dakwah Melalui Lirik/ Seni Kata			
Lirik nasyid merupakan nasihat yang mendorong pelajar melakukan kebaikan	4.53	0.71	Tinggi
Mesej Islam dan nilai-nilai murni dapat disampaikan kepada pelajar melalui lirik lagu yang dinyanyikan	4.51	0.67	Tinggi
Lirik nasyid yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak dapat meningkatkan penghayatan agama pelajar	4.40	0.69	Tinggi
Alunan zikir dalam lirik nasyid dapat mendorong pelajar sentiasa berzikir dan mengingati Allah	4.59	0.68	Tinggi
Alunan selawat dalam lirik nasyid dapat meningkatkan kecintaan terhadap Rasulullah SAW	4.66	0.59	Tinggi
Seni kata nasyid dapat memberi keinsafan dan pengajaran terhadap pelajar	4.22	0.81	Tinggi
Seni kata nasyid dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan pelajar kepada Allah SWT	4.23	0.80	Tinggi

Keseluruhan	4.45	0.70	Tinggi
Dakwah Melalui Irama Lagu			
Irama nasyid yang ringan dan lembut dapat memberi ketenangan dalam jiwa pelajar	4.59	0.63	Tinggi
Lagu berirama nasyid dapat menghindarkan diri pelajar daripada hiburan muzik yang melampau dan melalaikan	4.18	0.89	Tinggi
Irama nasyid sebagai alternatif kepada pelajar untuk menghayati seni muzik yang bersesuaian dengan syarak	4.30	0.72	Tinggi
Irama nasyid mampu membangkitkan semangat dan motivasi diri pelajar	4.25	0.73	Tinggi
Irama nasyid dapat menarik minat pelajar berbanding lagu berentak agresif dan ganas	4.14	0.89	Tinggi
Keseluruhan	4.29	0.77	Tinggi
Dakwah Melalui Penampilan Penyanyi			
Imej dan peribadi baik yang ditampilkan oleh penyanyi nasyid menjadi contoh ikutan kepada pelajar	4.00	0.96	Sederhana Tinggi
Pakaian penyanyi nasyid yang sopan dan menutup aurat memberi kesedaran kepada pelajar tentang etika berpakaian dalam Islam	4.34	0.69	Tinggi
Penjagaan batas pergaularan yang ditampilkan oleh penyanyi nasyid dapat menghindarkan pergaularan bebas di antara pelajar lelaki dan perempuan	4.13	0.88	Tinggi
Pergerakan sopan dalam persesembahan nasyid dapat mengawal daripada aksi melampau yang boleh menaikkan nafsu syahwat pelajar	4.32	0.80	Tinggi
Imej dan penampilan penyanyi nasyid menepati cita rasa fesyen remaja masa kini	3.95	0.92	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	4.15	0.85	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, dimensi dakwah melalui seni nasyid diukur berdasarkan persepsi responden terhadap seni nasyid sebagai medium dakwah di sekolah yang mengandungi 8 item. Analisis deskriptif bagi skor min persepsi pelajar terhadap dimensi dakwah melalui seni nasyid menunjukkan skor min bagi kesemua 8 item berada pada tahap yang tinggi. Jadual 5 menunjukkan secara keseluruhan persepsi responden terhadap dakwah melalui seni nasyid adalah tinggi ($\text{min}=4.31$, $\text{sp}=0.72$). Item yang mencatat nilai skor min tertinggi adalah "Seni nasyid merupakan hiburan dakwah yang bermanfaat dan bermaklumat untuk menambah pengetahuan agama pelajar" yang memperoleh nilai min 4.59 ($\text{sp}=0.58$). Manakala item yang mencatat nilai terendah adalah "Seni nasyid medium dakwah yang berkesan untuk mendidik dan membentuk akhlak pelajar" memperoleh nilai min 4.02 ($\text{sp}=0.86$).

Dimensi dakwah melalui lirik atau seni kata pula diukur berdasarkan persepsi responden terhadap lirik atau seni kata nasyid sebagai medium dakwah yang terdiri daripada 7 item. Hasil dapatan bagi dimensi dakwah melalui lirik atau seni kata nasyid pula, pelajar memberi maklum balas yang memberangsangkan apabila keseluruhan item turut mencatat skor min pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian menunjukkan persepsi responden terhadap dakwah melalui lirik atau seni kata nasyid pada tahap yang tinggi ($\text{min}=4.45$, $\text{sp}=0.70$). Analisis secara terperinci mendapat item yang memperoleh nilai min yang paling tinggi adalah "Alunan selawat dalam lirik nasyid dapat meningkatkan kecintaan terhadap Rasulullah SAW" dengan skor min 4.66 ($\text{sp}=0.57$). Manakala item "Seni kata nasyid dapat memberi keinsafan dan pengajaran terhadap pelajar" memperoleh nilai terendah dengan min 4.22 ($\text{sp}=0.81$).

Seterusnya, dimensi dakwah melalui irama lagu nasyid pula diukur berdasarkan persepsi responden terhadap irama lagu nasyid sebagai medium dakwah yang merangkumi 5 item. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Bertitik tolak daripada itu, hasil dapatan kajian persepsi responden terhadap dakwah melalui irama lagu nasyid secara keseluruhan berada pada tahap yang tinggi ($\text{min}=4.29$, $\text{sp}=0.77$). Analisis menunjukkan bahawa item "Irama nasyid yang ringan dan lembut dapat memberi ketenangan dalam jiwa pelajar" memperoleh nilai tertinggi dengan min 4.59 ($\text{sp}=0.63$) dan "Irama nasyid dapat menarik

minat pelajar berbanding lagu berentak agresif dan ganas” merupakan item yang memperoleh nilai min yang terendah iaitu 4.14 (sp=0.89).

Bagi dimensi dakwah melalui penampilan penyanyi pula diukur berdasarkan persepsi responden terhadap penampilan penyanyi nasyid sebagai medium dakwah yang terdiri daripada 5 item. Dapatkan kajian menunjukkan tiga item berada pada tahap tinggi manakala dua item lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhan, persepsi pelajar terhadap dakwah melalui penampilan penyanyi adalah pada tahap yang tinggi (min = 4.15, sp=0.85). Item yang memperoleh nilai yang paling tinggi adalah “Pakaian penyanyi nasyid yang sopan dan menutup aurat memberi kesedaran kepada pelajar tentang etika berpakaian dalam Islam” dengan min 4.34 (sp=0.67). Manakala item yang mendapat nilai yang terendah pada tahap sederhana tinggi adalah “Imej dan penampilan penyanyi nasyid menepati cita rasa fesyen remaja masa kini” dengan min 3.95 (sp=0.92).

Perbezaan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah berdasarkan jantina.

Jadual 6 menunjukkan perbezaan persepsi terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah antara jantina iaitu di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Ujian *Levene* adalah tidak signifikan ($p > .05$) membawa maksud kehomogenan varian dipatuhi. Hasil analisis dari Ujian-t Sampel Bebas adalah signifikan ($t(331) = -3.53$, $p < .05$) secara statistik. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah.

Jadual 6

Perbezaan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah berdasarkan jantina

Jantina	N	Min	S. P	dk	Nilai t	Sig. P
Lelaki	193	4.23	.502	331	-3.53	0.00
Perempuan	140	4.21	.398			

Signifikan pada aras $p < .05$

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatkan keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah adalah tinggi. Dapatkan ini menunjukkan pelajar bersetuju bahawa dakwah boleh disampaikan melalui seni nasyid, lirik atau seni kata nasyid, irama lagu nasyid dan penampilan penyanyi nasyid. Hasil kajian juga mendapat terdapat perbezaan signifikan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah berdasarkan jantina.

Dapatkan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah berdasarkan empat dimensi iaitu dakwah melalui seni nasyid, dakwah melalui lirik atau seni kata, dakwah melalui irama lagu dan dakwah melalui penampilan penyanyi berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan ini membuktikan bahawa nasyid bukan sekadar hiburan bahkan menjadi salah satu pendekatan yang sesuai dilaksanakan dalam aktiviti dakwah di sekolah. Dapatkan ini disokong dengan kajian Mohammed Yusof (2012) yang menyatakan bahawa pemanfaatan nasyid di dalam menyampaikan dakwah dilihat mampu menjadi sebagai daya penarik kepada golongan tertentu seperti remaja untuk turut serta di dalam sesuatu aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Konsisten dengan kenyataan ini, Nik Safiah Nik Abdullah et al. (2015) menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian yang dianjurkan di sekolah-sekolah kurang mendapat sambutan yang menggalakkan oleh para pelajar berbanding aktiviti-aktiviti yang bercorak hiburan. Justeru, nasyid dilihat sebagai salah satu aktiviti kerohanian berbentuk hiburan yang mampu mendidik dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap agama (Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum, Mohd. Abbas Abdul Razak, & Abdul Latif Abd. Razak, 2018)

Dapatkan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap dakwah melalui lirik atau seni kata berada pada tahap paling tinggi. Dapatkan ini disokong oleh Eri Sateria Sanusi (2017) yang mendapat bahawa mesej dakwah yang disampaikan dalam nasyid kepada pendengar adalah melalui lirik-lirik dan seni kata yang mengandungi nilai-nilai Islam (Eri Satria, 2017). Selari dengan ini, kajian Isyah Radhiah Idris (2017) turut mendapat bahawa penghasilan lirik-lirik nasyid lebih menjurus kepada nilai-nilai dakwah yang berkaitan dengan aspek akidah, ibadah dan akhlak. Konsisten dengan kenyataan ini, kajian Jaffary Awang (2006) menjelaskan bahawa lirik nasyid yang sarat dengan

mesej dilihat berupaya membentuk nilai yang positif terhadap sistem nilai yang sedia ada dalam masyarakat pada hari ini. Bertepatan dengan kenyataan ini, Maria Ulfa (2017) menyatakan bahawa penyampaian mesej dakwah melalui lirik lagu dilihat sebagai suatu usaha dalam mengukuhkan keimanan di samping memberi kesedaran kepada masyarakat agar kembali kepada Allah SWT. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa penghasilan lirik yang baik dan sarat dengan mesej-mesej Islam adalah sangat penting dalam menjadikan nasyid sebagai medium dakwah di sekolah. Melalui penghayatan yang baik terhadap lirik-lirik nasyid yang disampaikan mampu memberi kesedaran serta mendekatkan diri pelajar kepada Allah SWT.

Dapatan kajian juga menunjukkan persepsi pelajar terhadap dakwah melalui seni nasyid berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa nasyid merupakan salah satu bentuk kesenian Islam dalam kategori seni suara yang berperanan sebagai medium dakwah di sekolah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Abdul Basit Samat @ Derawi (2014) yang mendapati bahawa nasyid merupakan salah satu daripada bentuk seni suara yang boleh digerakkan sebagai pendekatan dalam berdakwah. Nasyid dilihat sebagai satu cabang kesenian yang berkesan dan mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menyebar luaskan nilai-nilai Islam. Dapatan ini disokong oleh kajian Makmur dan Abdullah Yusof (2009) yang menjelaskan bahawa kesenian berupaya menjadi media dalam usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta menyeru manusia agar melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Selari dengan hasil dapatan ini, Nur Sakinah Sabari (2018) menjelaskan bahawa asas utama yang menjadi tunjang dalam pemanfaatan seni nasyid dalam dakwah adalah untuk menyampaikan mesej dari aspek akidah, syariah dan akhlak. Justeru, al-Qardhawi (2002) menyatakan bahawa seni suara dijadikan fasilitator ke arah membimbangi peribadi seseorang ke arah positif sekiranya ia menepati ajaran Islam. Seandainya seni suara itu melalaikan dan membawa kepada kerosakan umat Islam sudah pasti akan memberi kesan yang negatif.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap irama lagu nasyid berperanan dalam menyampaikan dakwah berada pada tahap tinggi. Selari dengan dapatan ini, pelaksanaan aktiviti nasyid di sekolah sebagai alternatif kepada pelajar untuk menghayati seni muzik yang bersesuaian dengan berlandaskan syarak (BPI KPM, 2020). Kenyataan ini bertepatan dengan pandangan Farid Mat Zain (2006) yang menyatakan bahawa nasyid merupakan hiburan alternatif kepada muzik atau nyanyian yang menjurus kepada kelalaian serta mampu memesangkan cara hidup dari landasan agama yang sebenar. Dapatan ini disokong dengan hasil kajian Muhammed Yusof (2012) mendapati bahawa irama lagu nasyid mampu menyentuh jiwa dan perasaan serta berupaya membangkitkan semangat dan motivasi diri. Selari dengan dapatan ini, kajian Ros Shilawani S. Abdul Kadir et. al (2010) turut mendapati muzik dan irama lagu nasyid dapat mewujudkan keadaan yang lebih santai dan boleh dijadikan sebagai intervensi terapeutik bagi yang ingin mencari ketenangan.

Dapatan kajian persepsi pelajar terhadap dakwah melalui penampilan penyanyi nasyid juga berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penampilan penyanyi nasyid turut berperanan dalam menyampaikan dakwah di sekolah. Hal ini kerana pendengar yang meminati nasyid bukan sahaja mendengar lirik dan iramanya sahaja bahkan menilai dari sudut akhlak dan penampilan penyanyi nasyid itu sendiri. Dapatan ini selari dengan kajian Nur Sakinah Sabari (2018) yang mendapati bahawa gaya persembahan serta penampilan diri yang baik dan menarik dalam penyampaian lagu nasyid akan membantu keberkesanannya penyampaian mesej dakwah. Konsisten dengan dapatan ini, Muhammed Yusof (2012) mendapati bahawa personaliti dan keperibadian penyanyi nasyid yang berpakaian menutup aurat, sopan serta baik budi pekerti menjadi faktor utama yang mempengaruhi pendengar untuk mendengar nasyid sekali gus menerima mesej dakwah yang disampaikan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan dalam kalangan pelajar tentang persepsi terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah berdasarkan jantina. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap nasyid sebagai medium dakwah di sekolah di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hasil dapatan sebegini ekoran daripada penglibatan pelajar lelaki dalam aktiviti nasyid di sekolah lebih aktif dan menonjol berbanding pelajar perempuan. Menyokong dapatan kajian ini, hasil analisis terhadap penyertaan dalam Festival Nasyid Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia peringkat kebangsaan pada tahun 2019 bagi kategori sekolah menengah mendapati kesemua peserta yang mewakili 16 buah negeri terdiri daripada kumpulan nasyid lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar perempuan agak terbatas dalam sebarang bentuk aktiviti seni suara seperti nyanyian bagi mengelakkan

timbul fitnah. Sebagaimana yang disarankan oleh al-Qardhawi (2014) iaitu perlu mengelakkan diri dari mendengar nyanyian mempunyai unsur yang menaikkan syahwat dan menimbulkan fitnah. Justeru, pendengar wajib menjauhinya, menutup pintu fitnah tersebut dan memelihara dirinya dan agama.

Pemanfaatan nasyid sebagai medium dakwah dilihat sebagai satu usaha untuk memantapkan penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Nasyid mempunyai nilai-nilai mendidik di dalam memperkuuhkan keimanan di samping mempunyai peranan tersendiri dalam membentuk akhlak manusia. Di samping itu, ia mempunyai potensi ke arah mencorakkan budaya sesebuah bangsa seterusnya secara tidak langsung mampu mengubah sasaran kepada sesuatu yang positif (Mohamad Kamil Ab. Majid & Muhammed Yusof, 2006). Sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad (2018), kesenian merupakan salah satu bidang yang boleh dijadikan sebagai alat untuk mengatasi keruntuhan gejala sosial dalam masyarakat. Hal ini memberi gambaran bahawa nasyid yang merupakan salah satu bentuk kesenian Islam berperanan dalam menerapkan dan menyemai nilai-nilai murni seterusnya membentuk peribadi mulia.

Pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian nasyid di sekolah mampu memupuk minat pelajar kepada seni lagu yang mengandungi unsur dakwah yang mengajak pendengar kepada melakukan kebaikan. Melalui nasyid juga minda pelajar dapat dipupuk untuk mengamalkan cara hidup Islam. Dalam masa yang sama, nasyid berupaya menjadi alternatif kepada pelajar di sekolah untuk menghayati seni muzik yang bersesuaian dengan berlandaskan syarak. Seni muzik yang dipengaruhi oleh pemikiran sekular pada masa kini menyebabkan ia dinikmati semata-mata untuk berhibur, bersuka ria, melepaskan hawa nafsu dan ingin bebas daripada kongkongan agama. Oleh yang demikian, seni muzik nasyid akan dapat membendung pengaruh muzik barat yang bertentangan dengan amalan serta ajaran Islam dari terus meresap ke dalam jiwa pelajar.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini merupakan penghasilan baru serta memberi sumbangan penting dalam perspektif pelaksanaan dakwah di sekolah. Pada kebiasaannya, kajian mengenai nasyid di sekolah lebih tertumpu pada pengaplikasian sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru, hasil kajian ini dilihat sebagai satu usaha menyumbang kepada perkembangan dan pelaksanaan aktiviti dakwah di sekolah khususnya melalui medium nasyid. Pemanfaatan nasyid di dalam menyampaikan dakwah dilihat mampu menjadi sebagai daya penarik kepada pelajar yang lebih cenderung kepada hiburan seperti muzik dan nyanyian untuk turut serta di dalam aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Hal ini kerana agak sukar untuk menarik minat golongan sasaran seandainya pendekatan dakwah yang digunakan hanya statik dalam bentuk ceramah semata-mata. Adalah perlu difahami bahawa nasyid bukan sekadar lagu akan tetapi ia merupakan gabungan elemen seni kata lagu, muzik dan gaya penampilan penyanyi nasyid tersebut. Sehubungan dengan itu, nasyid mempunyai kepentingan dan pengaruhnya yang tersendiri seandainya kesemua elemen di dalam nasyid mampu memenuhi kehendak pendengar. Melalui lagu-lagu yang membawa mesej keinsafan dan pengajaran secara tidak langsung menyumbang kepada pendidikan dan penyebaran dakwah.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian terhadap persepsi pelajar terhadap nasyid maka dapat disimpulkan bahawa nasyid merupakan salah satu bentuk kesenian Islam yang bukan sahaja menjadi hiburan alternatif kepada masyarakat bahkan berupaya menjadi medium dakwah melalui seni suara. Pemanfaatan nasyid dapat mempelbagaikan lagi pendekatan dalam menyampaikan dakwah dan sekali gus menyumbang kepada perkembangan dakwah semasa. Kemahiran menguasai bidang kesenian merupakan suatu kelebihan bagi para pendakwah pada hari ini di dalam memahami dan mendekati sasaran khususnya bagi mereka yang suka kepada hiburan. Justeru, pemanfaatan kesenian nasyid sebagai aktiviti dakwah di sekolah merupakan suatu usaha memperkuuhkan penghayatan agama terhadap warga sekolah khususnya kepada para pelajar. Mesej dakwah yang disalurkan melalui nasyid mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik bahkan turut cemerlang dalam sahsiah dan akhlak. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk bakat dan minat pelajar terhadap seni muzik dan nyanyian yang menepati syariat Islam.

RUJUKAN

- Abdul Basit Samat @ Derawi. (2014). Seni Berzanji dan Marhaban sebagai Media Dakwah: Kajian terhadap Golongan Remaja di Negeri Johor. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Mohamad, Harun Baharudin, Ahmad Farhan Jusoh & Mohd Zulkifli Muda. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Melalui Kaedah Nasyid. *The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society (Islac 2017)*.
- Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum, Mohd. Abbas Abdul Razak, & Abdul Latif Abd. Razak. (2018). Creativity in Islamic Entertainment: A Case Study of Malaysian Nashid Groups (Rabbani, Raihan and Hijjaz). *Jurnal of Islam in Asia*, 2, 500-519.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Peraturan dan Syarat Pertandingan Festival Nasyid Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2019M/1440H.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Pertandingan Nasyid Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Eri Satria Sanusi & Roslan Mohamed. (2017). Analisis Terhadap Peranan Nasyid Dalam Dakwah. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 16(2), 227–242.
- Farid Mat Zain. (2006). Dari Padang Pasir Kepada Pop Kontemporari: Akar Umbi Nasyid di Malaysia. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*, 7-8 Ogos 2006.
- Fariza Md. Sham. (2011). Program Dakwah Remaja oleh Organisasi Dakwah Swasta: Kajian di Excel Training Consultancy (M) Sdn. Bhd. Dlm Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Salasiah Hanin Hamjah (pnyt), *Pengurusan Organisasi Dakwah*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
- Isyah Radhiah Idris (2017). Kewajaran Aplikasi Nasyid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Wilayah Persekutuan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Zakaria. (2006). Falsafah Seni Muzik Islam Dan Hubungannya Dengan Bina Insan. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*, 7-8 Ogos 2006.
- Jaffary Awang. (2006). Perkembangan Nasyid dan Penataran Nilai Islam di Malaysia. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*, 7-8 Ogos 2006.
- Makmur & Abdullah Yusof. (2009). Isyarat Dan Manifestasi Seni Dalam Al-Qur'an: Satu Sorotan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4: 67-79.
- Maria Ulfa. (2017). Muslim Pop: Voicing Da'wa through Contemporary English Nasyid Love Song Lyrics in Southeast Asia. *International Conference on Culture and Language in Southeast Asia (ICCLAS 2017), Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, 154.
- Mohd Farid Hafidz Ahmad & Mohamad Khairi Othman. (2016). Pusat Islam Polimas: Penglibatan Program Dakwah Dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat Dan Pengamalan Akhlak Pelajar. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*.
- Muhammed Yusof. (2012). Nasyid Di Radio Dakwah: Kajian Terhadap Nasyid Di Radio IKIM.fm. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Mujani Tarimin & Fairuz el-Basri. (2004). Pembentukan Generasi Melalui Seni, *International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings*.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamat Maamor, Abdulla Abdul Ghani, Norazlina Abdul Wahab, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz, & Nor Hanim Elias. (2015). Kepentingan Elemen Kerohanian Dalam Perlaksanaan Aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian Kes di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(2), 77–88.
- Nunally, J., & Bernstein. I. (1994). *Psychometric theory*. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.
- Nur Sakinah Sabari. (2018). Retorik Pembujukan Dakwah dalam Lagu Nasyid: Kajian terhadap Lagu Opick dan Hafiz Hamidun. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ros Shilawani S. Abdul Kadir, Mohd Hafizi Ghazali, Zunairah Hj. Murat, Mohd Nasir Taib, Husna Abdul Rahman & Siti Armiza Mohd Aris. (2010). The Preliminary Study On The Effect Of Nasyid Music And Rock Music On Brainwave Signal Using EEG. *2nd International Congress on Engineering Education 2010*.

- Salman al-Farisi Syahrul. (2004). Nasyid Menurut Perspektif Imam al-Ghazali dan Kumpulan Raihan. Tesis Sarjana Pengajian Islam Dakwah dan Kepemimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Yusuf al-Qardhawi. (2002). *Seni & Hiburan Dalam Islam* (Muhammad Baihaqi, Terj.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Yusuf al-Qardhawi. (2014). *Halal & Haram Dalam Islam* (Zulkifli Mohamad al-Bakri, Terj.). Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2009). Entertainment in Muslim Media: Unsettled Problem? *Jurnal Hadhari*, 2, 53–64.